

16 NOV 2001

Mahathir-Keganasan (Dialog)

RAKYAT M'SIA HARUS PERTAHAN NEGARA DARIPADA ANCAMAN KEGANASAN

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Malaysia bertanggungjawab untuk mempertahankan negara daripada sebarang bentuk tindakan keganasan dan menolak keganasan sebagai kaedah perjuangan.

Perdana Menteri berkata tiada justifikasi bagi sesiapa atau mana-mana kumpulan untuk menimbulkan ketakutan dikalangan rakyat negara ini.

"Tiada justifikasi dalam tindakan keganasan walaupun ia dikatakan sebagai perjuangan untuk matlamat yang murni," kata Dr Mahathir semasa berdialog selepas merasmikan Persidangan mengenai Keganasan di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Kepada soalan Tan Sri Dr Abdullah Sanusi Ahmad, Ketua Eksekutif Universiti Terbuka Malaysia, Dr Mahathir berkata contohnya Kumpulan Militan Malaysia (KMM) dan Al-Maunah telah menimbulkan ketakutan dikalangan rakyat akibat tindakan mereka yang berunsur keganasan.

"Mereka melakukan tindakan keganasan dengan membunuh orang dan tidak menghormati undang-undang.

"Kita (kerajaan) perlu bertindak kerana sudah menjangkanya. Selepas mengetahui niat mereka, kita perlu bertindak kerana mencari bukti terhadap jenayah yang belum dilakukan amatlah sukar," kata beliau.

"Penganas adalah mereka yang misguided. Mereka pergi ke Afghanistan untuk mempelajari bagaimana untuk membuat bom dan membunuh orang. Apakah justifikasi untuk semua itu di Malaysia...? Dr Mahathir bertanya.

Dr Mahathir berkata tidak ada sebab bagi tindakan keganasan di Malaysia kerana kerajaan boleh dijatuhkan melalui pilihan raya dan menyifatkan mereka yang melakukan tindakan keganasan untuk menjatuhkan kerajaan sebagai "sama ada naif atau bodoh."

Beliau berkata mereka yang menggunakan cara keganasan bagi mencapai matlamat mereka berpendapat mereka tidak boleh menang dalam pilihan raya yang diadakan secara adil dan mahu mengenakan pengaruh mereka melalui tindakan keganasan.

Dr Mahathir juga berkata banyak salah tanggapan mengenai Islam dibuat oleh mereka yang mahu berkuasa.

Kepada soalan sama ada pergerakan penentangan boleh dianggap sebagai tindakan keganasan, Dr Mahathir berkata dalam sesetengah cara keganasan adalah wajar jika pemerintah menindas rakyat dan tidak ada cara bagi rakyat untuk memerangi keganasan dan terpaksa menggunakan keganasan.

"Tetapi perlu ada batasan terhadap bentuk keganasan yang dilakukan. Jika kamu mengikat bom pada tubuh badan dan memasuki pasar raya dan membunuh orang yang tidak berdosa, maka itu adalah tindakan keganasan.

"Walaupun jika kamu melakukannya untuk menjatuhkan kerajaan yang menindas rakyat, ia tidak dapat diterima. Jika kamu merampas kapal terbang dan menyebabkan penumpang berada dalam ketakutan dan menyebabkan kematian seperti berlaku pada 11 Sept, maka itu juga tindakan keganasan.

"Kamu mungkin berjuang bagi Palestin, kamu mungkin berjuang bagi mana-mana negara tetapi ia tidak diterima. Jika kamu berbuat demikian, kamu dianggap melakukan tindakan yang menyalahi undang-undang oleh seluruh dunia...kami tidak menerima tindakan seperti itu," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata semua negara harus bekerjasama bagi memerangi keganasan dan menyenaraikan tindakan keganasan yang menjustifikasikan kritikan orang ini sebagai penggaas bukan sahaja oleh negara mangsa tetapi

juga oleh seluruh dunia.

Mengenai apa yang dikatakan peperangan menentang keganasan di Afghanistan, Dr Mahathir berkata, walaupun mendapat bantahan bahawa peperangan terhadap pengganas bukannya peperangan menentang Islam, tidak dapat dinafikan bahawa hanya pengganas beragama Islam menjadi sasaran sekarang.

"Kami benci untuk menyatakannya tetapi ia kelihatan seolah-olah peperangan menentang umat Islam," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata serangan terhadap Afghanistan tidak akan menyebabkan pengganas dibunuh atau ditawan.

"Menyerang Afghanistan tidak akan melenyapkan pengganas. Seseengah mungkin terbunuh tetapi ramai lagi tinggal di luar Afghanistan atau menyusup keluar dari Afghanistan dan terselamat.

"Mereka tidak dapat dihalang melalui pembunuhan rakyat Afghanistan atau kemusnahan negara itu," kata beliau.

-- BERNAMA

AKT ZS FAZ